

BAB LIMA

PENUTUP

5.0. Pendahuluan

Dalam bab terakhir ini penulis akan mengemukakan dapatan dan rumusan yang diperolehi daripada kajian yang telah dijalankan. Dari situ penulis cuba mengemukakan beberapa saranan dan cadangan yang penulis kira dapat membantu para pencinta bahasa Arab dan Melayu di luar sana dalam memperkukuhkan lagi penguasaan leksikal kedua-dua bahasa tersebut.

5.1. Rumusan

Setelah menghurai dan menganalisis segala data dan maklumat yang diperolehi sepanjang menyediakan disertasi ini, penulis telah membuat beberapa rumusan dan kesimpulan. Antaranya:

- a. Makna sesuatu istilah tidak mudah untuk ditentukan. Untuk memahami makna perkataan, istilah atau ungkapan, perlu dilihat penggunaannya dalam ayat. Hubungan makna antara perkataan dalam

ayat dapat membantu kita memahami makna sesuatu istilah. Selain itu, untuk mendapatkan padanan makna yang sebenar, pengamatan, pengalaman dan rasa bahasa yang amat tinggi diperlukan.

- b. Para sarjana linguistik berbeza pendapat tentang kewujudan padanan makna bagi setiap perkataan. Namun melalui kajian yang dilakukan, penulis berpendapat tidak ada padanan makna yang benar-benar tepat bagi hampir keseluruhan kata sebagaimana kata yang mempunyai pelbagai makna yang berbeza. Namun itu bukanlah suatu perkara yang perlu dirisaukan kerana apa yang penting ialah mesej yang ingin disampaikan oleh seseorang penutur melalui perkataan yang digunakan sampai dan dapat difahami oleh pendengar.
- c. Di antara istilah-istilah yang menimbulkan kesukaran dalam menentukan padanan makna yang sesuai ialah kata panggilan keluarga, istilah-istilah yang agak jarang digunakan serta istilah-istilah yang mempunyai lebih daripada satu makna.
- d. Apa yang perlu apabila seseorang ingin menterjemah sesuatu leksikal ialah berusaha sedaya mungkin untuk mencari padanan makna yang paling hampir dan ringkas agar ia dapat memudahkan mereka yang bukan daripada penutur bahasa asal memahami maksud yang ingin disampaikan melalui bahasa terjemahan.
- e. Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi padanan makna istilah kekeluargaan dan kemasyarakatan sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Arab. Antara faktor yang menyebabkan berlakunya

ketidaktepatan padanan makna di antara bahasa Arab dengan bahasa Melayu dan sebaliknya ialah pengaruh budaya dan persekitaran yang berbeza di kalangan penutur kedua-dua bahasa.

- f. Istilah-istilah dalam penggunaan kata panggilan keluarga dan masyarakat bagi orang Melayu dilihat lebih rencam dan kompleks berbanding dengan kata panggilan keluarga dalam masyarakat Arab. Ini akan menyebabkan kesukaran dan kekeliruan dalam menentukan padanan makna yang sesuai bagi istilah-istilah tersebut.
- g. Walaupun terdapat kesukaran untuk menentukan padanan makna terhadap leksikal-leksikal tertentu dalam kedua-dua bahasa, namun fenomena kepelbagaian ciri-ciri makna ini dari sudut yang lain dapat memudahkan pengguna kedua-dua bahasa memperolehi pelbagai maklumat seperti gender, kedudukan dalam keluarga dan masyarakat, status dan sebagainya hanya daripada satu leksikal sahaja.

Tegasnya di sini, mencari padanan yang serasi dan tepat daripada semua aspek bagi sesuatu perkataan adalah sesuatu yang mustahil untuk dilakukan. Justeru para penterjemah dan sesiapa juga yang terlibat dalam proses pemindahan makna perkataan dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab termasuk para guru bahasa harus berhati-hati dan sentiasa membuat rujukan terhadap sesuatu istilah sebelum diberi padanan makna agar tidak menimbulkan kekeliruan di kalangan mereka yang menerima terjemahan kata tersebut.

5.2. Cadangan

Selepas memperolehi dapatan-dapatan melalui kajian yang dijalankan, penulis ingin mengemukakan beberapa cadangan. Diharap cadangan-cadangan ini dapat dipertimbangkan dan diambil perhatian oleh pihak-pihak berkaitan. Antara cadangan-cadangan itu ialah:

- a. Perlu ada usaha untuk mendokumentasikan istilah-istilah Arab dan Melayu di bidang kekeluargaan dan kemasyarakatan berserta padanan makna agar makna setiap istilah dapat diseragamkan penggunaannya. Pihak-pihak berkenaan seperti DBP tidak seharusnya hanya menumpukan kepada pengumpulan dan penerbitan daftar-daftar istilah berkaitan bidang-bidang teknikal, sains dan teknologi semata-mata tetapi seharusnya juga menerbitkan daftar istilah bagi bidang-bidang sains sosial seperti kekeluargaan dan kemasyarakatan.
- b. Para penterjemah harus mengambil berat tentang padanan makna yang tepat meliputi semua bidang khususnya dari sudut kekeluargaan dan kemasyarakatan dengan melihat kepada unsur-unsur yang mempengaruhi terjemahan agar hasil terjemahan mereka dilihat menepati makna teks asal.
- c. Para guru dan tenaga pengajar bahasa Arab di sekolah-sekolah (terutamanya sekolah-sekolah rendah) harus mendedahkan tentang leksikal-leksikal yang menimbulkan kekeliruan kepada para pelajar mereka dari sudut padanan makna terutamanya leksikal yang dipinjam dari bahasa Arab. Para pelajar juga harus didedahkan tentang penggunaan istilah-istilah tersebut dari

sudut semantik bahasa Arab. Usaha ini memerlukan kesepaduan ilmu dan pengalaman di kalangan guru untuk memberi penerangan yang mudah dan jitu.

d. Para ahli perkamusan harus menghasilkan suatu kamus khusus Arab-Melayu dan Melayu-Arab di mana entrinya terdiri daripada istilah-istilah kekeluargaan dan kemasyarakatan berserta penjelasan secara terperinci tentang padanan maknanya. Kamus ini dapat membantu para pelajar, guru, penterjemah, pengkaji bahasa dan mereka yang ingin mendalami ilmu leksikografi Arab dan Melayu dalam mencari makna-makna istilah dengan lebih mudah.

5.3. Penutup

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin dan inayahNya penulis dapat menyiapkan disertasi ini. Sebelum itu penulis ingin memohon maaf sekiranya terdapat kekurangan dan kelemahan dalam kajian yang telah dijalankan ini. Penulis tidak menafikan kemungkinan ada kelemahan dalam disertasi ini kerana skop kajian yang dilaksanakan ini agak kecil dan tidak luas. Oleh kerana itu tidak banyak kajian berkaitan yang boleh dirujuk sebagai panduan dalam menyiapkan disertasi ini. Justeru itu penulis berharap agar suatu hari nanti penulis atau sesiapa juga yang berminat dapat melanjutkan kajian ini dengan

penerokaan yang lebih mendalam. Ini kerana banyak lagi topik-topik dalam penulisan ini yang boleh diperluaskan skop kajiannya.

Penulis juga mengakui sepanjang menjalankan kajian ini, penulis berdepan dengan pelbagai rintangan dan cabaran sama ada dari sudut tenaga, masa, wang ringgit dan pelbagai lagi yang menuntut komitmen dan pengorbanan yang tinggi. Walaubagaimanapun penulis berharap kajian yang tidak seberapa ini dapat memberi manfaat dan sedikit maklumat dan pengetahuan kepada para pembaca. Akhir kata, sekali lagi penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam memberi sumbangan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung terhadap penulisan ini. Wassala:mu ‘alaikum wa rahmatulla:hi wa baraka:tuh.